

# Bakal mempelai perlu jujur bab kewangan pasca majlis

Bincang juga hal seperti bayar bil api air, simpanan masa depan, lakar bajet



**BINCANG ISU KEWANGAN, BUKAN HANYA MAJLIS SAHAJA:** Kaunselor APKIM Resources, Cik Azhanani Kamis (gambar kiri) dan Penolong Pengurus, Pusat Nasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Saiful Nizam Jemain, mahu pasangan lebih prihatin akan keadaan kewangan. - Foto TAUFIK A. KADER dan TUKIMAN WARJI

28 Jun 2015

HASLEEN BACHIK

**PASANGAN** yang dilamun cinta sering mengutamakan dua perkara – majlis kahwin dan rumah.

Tidak ramai yang memikirkan dan berbincang secara proaktif soal mengatur kewangan masa depan selepas berkahwin.

Lantaran itulah, ramai pasangan menghadapi masalah kewangan dan dibelenggu hutang sehingga menjejaskan mahligai yang baru dibina.

Ini dinyatakan oleh beberapa kaunselor rumahtangga mengenai perancangan kewangan dalam kalangan pasangan muda.

Menurut kaunselor APKIM Resources, Cik Azhanani Kamis, pasangan sering memberikan tumpuan dan peruntukan kewangan bagi majlis perkahwinan yang menelan belanja tinggi. Namun, mereka kurang membincangkan apa yang akan berlaku setelah majlis itu selesai.

"Saya selalu tekankan supaya mereka perhatikan perkara asas yang penting sahaja dalam majlis perkahwinan. Mereka harus pertimbang menyetepikan perkara yang tidak penting," kata beliau.

Penolong Pengurus Pusat Nasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Saiful Nizam Jemain, yang menangani kes pasangan yang dibelenggu hutang, berkata pengurusan kewangan asas tidak ada di kalangan pasangan.

Sejak ditubuhkan dua tahun lalu, DAC mendapati 20 kliennya berhutang ekoran majlis perkahwinan dan perbelanjaan selepas perkahwinan.

"Kedua-dua pihak harus benar-benar memahami status kewangan pasangan. Anda harus berterus-terang. Daripada situ, anda buat keputusan apa yang mahu dilakukan," kata Encik Saiful Nizam mengenai perancangan kewangan pasangan sebelum berkahwin.

Beliau dapati pihak lelaki biasanya lebih cenderung menyepi kerana risiko kehilangan pasangan.

Pengarah APKIM Resources, Cik Siti 'Adilah Abu Bakar, berkata pasangan biasanya hanya bercakap mengenai kewangan apabila tidak cukup duit.

"Di peringkat itu, apabila mereka berbincang, ia menjadi negatif. Ada yang kata kadang-kadang nak capak pasal duit aja mesti kena marah. Malah, boleh timbulkan selisih faham, marah dan pertengkaran kerana terpaksa kurangkan itu dan ini.

"Pemikiran dan keadaan ini harus diubah. Kami mahu mereka melihat kewangan sebagai satu aset, sesuatu yang positif dan penting mereka bincangkan, berfikiran positif, mengimpikannya bersama dan mulakan dari jumlah yang kecil bagi mencapai impian itu," ujar Cik Siti.

Menurut beliau, pasangan biasanya mengimpikan rumah besar, memiliki kereta dan membina keluarga.

"Mulai sekarang, apakah yang boleh dilakukan untuk merealisasikan impian itu?" tambahnya.

Menurut Cik Siti, kursus rumahtangga ialah wadah yang baik bagi pasangan mula berbincang secara terbuka, seperti siapa harus bayar apa, supaya segala-galanya lebih jelas bagi mengelakkan pertelingkahan di kemudian hari.

"Adalah penting bagi pasangan mempunyai visi bersama - apa yang mereka kehendaki dari segi kewangan, material dan aset. Masalah timbul apabila pasangan tidak ada visi yang dikongsi bersama," ujar Cik Siti, yang juga mengendalikan kursus rumahtangga, Cinta Abadi.

Cik Azhanani, yang menangani kes dirujuk dari Mahkamah Syariah, berkata masalah kewangan – antara faktor runtuahnya mahligai – ada kena-mengena dengan ilmu mereka tentang peranan dan tanggungjawab.

"Rata-rata, masalah kewangan berlaku kerana kurang perancangan dari segi bajet. Pasangan perlu berunding dan bekerjasama menyediakan peruntukan bagi keperluan asas. Mesti ada persetujuan bersama.

"Jika mereka tidak mahu buka akaun bersama, mereka perlu ada peruntukan, seperti keperluan pendidikan jika mahu anak ke universiti.

"Ia bermakna setiap bulan pasangan perlu menabung, \$100 atau \$200 sebulan misalnya bagi seorang anak sahaja. Kemudian, anak yang lain pula. Yang penting mesti ada persetujuan bersama. Mungkin buat peratusan hasil perundingan itu," saran Cik Azhanani.

Pasangan pun boleh sediakan sampul untuk menyetepikan wang melunaskan bil api air, belanja dapur, pendidikan anak dan keperluan lain.

"Siapa yang harus bayar apa perlukan perbincangan dan disebut dengan jelas," jelas Cik Azhanani